



Headline: Duit RM40,000 lesap ditipu Macau Scam
Publication/Portal: Kosmo
Date: 27 July 2020

Language: Malay
Section: Negara
Page: 17

Duit RM40,000 lesap ditipu Macau Scam

KUANTAN – Seorang suri rumah di Bentong dekat sini terpaksa berputih mata apabila duit simpanannya dalam Amanah Saham Bumiputera lesap ditipu sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai anggota polis.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial negeri, Superintenden Mohd. Wazir Mohd. Yusof berkata, pada Selasa lalu, mangsa berusia 64 tahun menerima panggilan telefon dari seorang lelaki yang memperkenalkan dirinya sebagai Sarjan Fairul dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Sabah.

Jelasnya, suspek memberitahu mangsa terlibat dengan pengubahan wang haram dan

ingin tahu jumlah wang simpanan mangsa.

“Mangsa memberitahu jumlah wang simpanannya ialah RM40,000 dan selepas itu suspek meminta mangsa memindahkan kesemua wang simpanan ke dalam akaun sementara bagi tujuan audit.

“Pada Khamis lalu, mangsa + memasukkan RM40,000 ke akaun bank yang diberikan suspek,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Menurut Mohd. Wazir, mangsa hanya sedar dirinya ditipu setelah menceritakan tentang perkara itu kepada anaknya.

Mangsa membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah Bentong.